



**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA  
KENYATAAN MEDIA**

**KARNIVAL OUTREACH JOM PILIH KEMAHIRAN  
ZON SABAH TAHUN 2023**

Kementerian Sumber Manusia (KSM) menerusi Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) dengan kerjasama Institut Latihan Perindustrian (ILP) Kota Kinabalu dan PERKESO telah mengadakan Karnival Outreach Jom Pilih Kemahiran Zon Sabah Tahun 2023. Karnival ini telah dirasmikan oleh YB Tuan Ts. Mustafa Sakmud, Timbalan Menteri Sumber Manusia yang diadakan di Institut Latihan Perindustrian (ILP) Kota Kinabalu, Sabah. Karnival ini merupakan siri pertama daripada enam siri yang akan diadakan pada tahun ini dan akan menjelajah ke seluruh Malaysia.

Karnival ini merupakan platform terbaik dalam memberikan pendedahan awal berkenaan program pendidikan TVET yang ditawarkan oleh Penyedia Latihan Awam dan Penyedia Latihan Swasta khususnya di Negeri Sabah serta pameran kerjaya dan temuduga secara walk-in oleh pihak syarikat. Karnival ini telah menghimpunkan 2000 pengunjung yang terdiri daripada pelajar sekolah, guru, ibu bapa, belia, komuniti dan pihak industri dengan kerjasama oleh Penyedia Latihan Awam dan Swasta yang merentasi pelbagai kementerian dan agensi.

Karnival pada kali ini dibahagikan kepada lima hub iaitu Skills Exhibition Hub, Skills Seminar Hub, Skills Job Fair Hub, Skills Challenge Hub dan Skills Entrepreneur Hub. Di samping itu, karnival ini turut menganjurkan sesi Libat Urus Tripartite di antara agensi kerajaan, penyedia latihan dan industri serta pengujian Modul Profiling Kemahiran Pekerja di dalam sistem MySPIKE.

Kementerian Sumber Manusia (KSM) melalui Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) sentiasa komited dalam memperkasakan dan mengarusperdanakan bidang TVET di negara ini. Ia adalah selaras dengan inisiatif yang telah digariskan di dalam Kerangka Blueprint Pembangunan Modal Insan Berkemahiran 'Memperkasakan Modal Insan Melalui TVET Dipacu Industri' 2021-2025.

**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA  
18 MAC 2023  
KUALA LUMPUR**